

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG
[RASAH]**

RUJUKAN : 9495

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) Jumlah rakyat Malaysia yang telah melepaskan kewarganegaraan Malaysia sejak tahun 2000-2016 berdasarkan tahun dan kaum; dan**
- (b) Ke manakah mereka yang melepaskan kewarganegaraan Malaysia berhijrah.**

JAWAPAN:

Jumlah rakyat Malaysia yang telah melepaskan taraf kewarganegaraan Malaysia dari tahun 2000 sehingga 30 September 2016 adalah seramai 88,318 orang dengan pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	JUMLAH KESELURUHAN
2000	1,938
2001	3,209
2002	2,642
2003	3,006
2004	1,456
2005	1,551
2006	2,712
2007	4,564
2008	1,994
2009	4,655
2010	10,644
2011	11,080
2012	8,983
2013	6,678
2014	7,843
2015	8,076
Sehingga 30 September 2016	7,287
Jumlah Keseluruhan	88,318

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), tiga kaum tertinggi ialah Cina (74,792 orang), diikuti India (3,256 orang) dan Melayu (2,219 orang). Dalam hal ini, 5 buah negara tertinggi yang dituju oleh mereka yang telah melepaskan kewarganegaraan

Malaysia adalah Singapura, Australia, Brunei, Amerika Syarikat dan Taiwan.